



**SUKATAN PEPERIKSAAN
MEMASUKI SKIM PERKHIDMATAN
PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM GRED S41**



**BAHAGIAN PEPERIKSAAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA**

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Pendahuluan	3
Panduan Umum	4
Sukatan Peperiksaan	5
I Seksyen A – Pengetahuan Am	5
II Seksyen B – Daya Menyelesaikan Masalah	6
III Seksyen C – Kefahaman Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab	9
Panduan Menjawab Soalan	15
Penutup	15

PENDAHULUAN

Peperiksaan ini bertujuan mengukur kesesuaian calon dari segi potensinya untuk dilantik ke Skim Perkhidmatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41.

Maka soalan-soalan yang dikemukakan meliputi pelbagai bidang dan mempunyai skop yang luas. Matlamat peperiksaan ini adalah untuk mengukur kematangan pemikiran calon agar sesuai dengan kualiti serta potensi seorang Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41. Peperiksaan ini melibatkan 3 kertas berasingan. Setiap kertas adalah penting kerana mengukur calon dalam satu atau dua aspek sahaja.

Calon-calon perlu menunjukkan prestasi yang baik bagi kesemua kertas. Jika calon mendapat markah yang baik bagi setiap kertas, maka prestasi keseluruhan dianggap baik. Oleh itu, calon-calon dinasihatkan supaya tidak memfokus kepada kertas tertentu sahaja.

Kelulusan peperiksaan ini merupakan satu daripada syarat lantikan ke skim tersebut. Calon-calon yang memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia termasuk lulus Program 'Assessment Centre' akan ditemu duga.

PANDUAN UMUM

1. Pada hari peperiksaan calon hendaklah membawa:
 - i) Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan;
 - ii) Kad Pengenalan;
 - iii) Pensil 2B, pen dan pemadam lembut;
 - iv) Peralatan lain yang difikir perlu.
2. Calon perlu berada di Pusat Peperiksaan 30 minit sebelum peperiksaan dimulakan.
3. Calon perlu mematuhi arahan Ketua Pengawas.
4. Calon tidak dibenarkan berkomunikasi dengan calon-calon lain. Sila angkat tangan jika ada masalah atau pertanyaan.
5. Calon hanya boleh meninggalkan Pusat Peperiksaan 30 minit selepas peperiksaan dimulakan.
6. Jawapan hendaklah dibuat dalam kertas OMR bagi Seksyen A, B dan C.
7. Nombor Kad Pengenalan pada kertas jawapan hendaklah sama seperti dalam Surat Panggilan Menduduki Peperiksaan.
8. Rujukan kepada mana-mana bahan adalah **tidak** dibenarkan.
9. Calon mesti berpakaian kemas, sopan dan tidak menjolok mata.
10. Anda hanya dibenarkan meninggalkan pusat peperiksaan apabila diarah oleh Ketua Pengawas.

SUKATAN PEPERIKSAAN

1. Peperiksaan ini mengandungi seksyen seperti berikut :

Seksyen A - Pengetahuan Am

Seksyen B - Daya Menyelesaikan Masalah

Seksyen C - Kefahaman Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab

SEKSYEN A - PENGETAHUAN AM

Masa : 40 minit
Bilangan Soalan : 50 (aneka pilihan)

Dalam seksyen ini, calon dikehendaki mengetahui secara umum berkenaan perkara berkaitan dengan Hal Ehwal Agama Islam, politik, sosial, sains, teknologi, sastera, kesenian, sukan, ekonomi dan lain-lain perkembangan.

Item yang disediakan mempunyai cakupan yang luas. Item akan ditarafkan kepada pengetahuan am yang sepatutnya diketahui oleh rakyat Malaysia.

Calon yang peka dengan perkembangan dunia melalui suratkhbar, majalah, buku-buku dan media elektronik akan dapat menjawab soalan yang dikemukakan.

CONTOH SOALAN

1. Sumber perundangan Islam pada zaman Rasulullah adalah berdasarkan
- A Wahyu Ilahi dan Ijtihad Rasulullah
 - B Al-Quran dan Ijma'
 - C Ijma' dan Qias
 - D As-Sunnah dan Ijtihad.

Jawapan : A

2. Antara berikut yang manakah merupakan pernyataan yang betul mengenai sembahyang jamak dan qasar?

- A Seseorang itu hendaklah berada dalam keadaan musafir.
- B Hanya sembahyang empat rakaat sahaja boleh diqasar.
- C Sembahyang subuh boleh dijamakkan dengan sembahyang zohor.
- D Sembahyang maghrib boleh dijamakkan dengan sembahyang isyak.

- i. I, II dan III
- ii. I, II dan IV
- iii. I, III dan IV
- iv. II, III dan IV

Jawapan : B

3. Wasiah kepada bukan waris adalah dibenarkan oleh Islam. Walau bagaimanapun pewasiat digalakkan agar tidak mewasiatkan hartanya melebihi

- A $\frac{1}{2}$ bahagian
- B $\frac{1}{3}$ bahagian
- C $\frac{1}{4}$ bahagian
- D $\frac{1}{6}$ bahagian

Jawapan : B

SEKSYEN B - DAYA MENYELESAIKAN MASALAH

Masa : 45 minit
Soalan : 40 (aneka soalan)

Seksyen ini mengukur daya menyelesaikan masalah calon dengan menggunakan item-item berkonsepkan perkara-perkara berikut:

i) Kemahiran Logik

Dalam seksyen ini calon dikehendaki menggunakan apititud logik untuk memilih jawapan yang tepat atau mengenal pasti jawapan yang salah.

CONTOH SOALAN

X	36	216	1296
----------	-----------	------------	-------------

1. Apakah nombor yang sesuai menggantikan **X**?

- A 3
- B 4
- C 5
- D 6

Jawapan : D

ii) Kemahiran Menginterpretasi Data

Beberapa masalah akan dikemukakan menggunakan pelbagai perangkaan dan calon dikehendaki menganalisa data-data tersebut untuk menyelesaikannya. Bagi memudahkan calon menjawab, penggunaan graf, jadual dan sebagainya digalakkan; dan

CONTOH SOALAN

Jadual berikut menunjukkan bilangan pengunjung ke sebuah taman tema pada cuti Hari Malaysia tahun lepas. Sekiranya seorang pengunjung dipilih secara rawak, cari kebarangkalian pengunjung yang dipilih adalah seorang kanak-kanak.

Bilangan Pengunjung	Lelaki	Perempuan
Dewasa	52	68
Kanak - kanak	104	136

- A 1/3
- B 2/3
- C 1/4
- D 2/4

Jawapan: B

Teknik Menjawab:

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pengunjung} &= 52 + 68 + 104 + 136 \\ &= 360 \text{ orang} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pengunjung kanak-kanak} &= 104 + 136 \\ &= 240 \text{ orang} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kebarangkalian pengunjung kanak-kanak dipilih} &= 240/360 \\ &= 2/3 \end{aligned}$$

iii) Konsep Matematik

Konsep Matematik yang digunakan termasuklah kemahiran numeric serta kuantitatif untuk mengukur kemahiran asas matematik, pemahaman konsep elemen matematik dan kebolehan untuk berfikir secara kuantitatif. Asas-asas matematik yang digunakan adalah tidak melebihi sukatan Tingkatan 5 (Sijil Pelajaran Malaysia). Oleh yang demikian adalah dianggap tahap kesukaran sesuai untuk semua calon kerana telah melalui Tingkatan 5.

CONTOH SOALAN

MAC
28
JUMAAT

1. Kalendar di atas menunjukkan bulan Mac yang terdapat pada tahun tertentu. 5 April bagi tahun yang sama jatuh pada hari
- A Khamis
 - B Sabtu
 - C Jumaat
 - D Ahad

Jawapan : C

SEKSYEN C - KEFAHAMAN BAHASA MELAYU, BAHASA INGGERIS DAN BAHASA ARAB

Masa : 45 minit
Soalan : 40 (aneka soalan)

Aspek yang diukur ialah :

- i. Kemahiran memindahkan maklumat
- ii. Kefahaman
- iii. Kemahiran Tatabahasa dan Kosa Kata.

CONTOH SOALAN

Baca petikan rencana di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan berikutnya.

Sejak merdeka, sistem pendidikan negara ini telah mengalami beberapa perubahan yang pesat, sama ada dari segi fizikal mahupun kandungannya, sama ada dari segi makro mahupun mikronya, sama ada pada peringkat rendah mahu pun tinggi. Dengan lain perkataan, sistem pendidikan kita sering mengalami proses penyesuaian yang dinamik.

Perubahan dan kedinamikan sistem pendidikan negara ini berpunca daripada banyak faktor, antaranya ialah perkembangan sains dan teknologi, perkembangan ilmu yang pesat, pengaruh antarabangsa, permintaan masyarakat, aspirasi politik dan ekonomi negara serta revolusi pemikiran dalam bidang agama dan estetika. Oleh yang demikian, sistem dan proses pendidikan mempunyai sifat vektor, iaitu ia mempunyai arah atau matlamat dan juga magnitud. Matlamat adalah sesuatu yang diinginkan dan ia diformulasikan terlebih awal, sementara kadar kelancaran pencapaian matlamat merupakan magnitud.

Faktor seperti persekitaran, sumber dan pembekalan, pentadbiran dan pengurusan, kebudayaan, nilai dan sikap individu, peringkat pendidikan dan berbagai-bagai lagi boleh memberi kesan yang berbeza kepada sistem pendidikan. Justeru, magnitud kelancaran dan pencapaian matlamat tidak mungkin mencapai seratus peratus, malahan ketiadaan pengawalan kepada faktor yang memberi kesan negatif boleh menjejaskan sistem tersebut.

Secara menyeluruh, matlamat pendidikan menjadi berbeza jika dilihat dari perspektif yang berlainan. Dari segi falsafahnya, pendidikan adalah suatu proses untuk membentuk manusia berkembang secara total sama ada dari segi jasmani atau rohani. Dari segi politik dan sosial, pendidikan adalah untuk membina manusia yang dapat memainkan peranan berkesan bagi kesejahteraan masyarakat dan manusia sejagat. Dari segi ekonominya proses pendidikan untuk menyediakan individu dengan kemahiran mental dan manipulatif bagi menghadapi cabaran hidup dan untuk mempertingkatkan produktiviti ekonomi.

Dari segi estetikanya, proses pendidikan untuk membentuk manusia yang mempunyai emosi seimbang dan manusia yang pandai menikmati dan menilai keindahan alam lahiriah, kesenian dan kebudayaan. Dari segi fahaman idealism dan Islam, proses pendidikan dan mencari ilmu itu untuk mencari kebenaran dan mengenal tentang keagungan dan keilmuan Tuhan.

Penulis : Sufean Husin

Jurnal Masalah Pendidikan Jld 13 April 1989, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

1. Menurut pengarang, sistem pendidikan negara selepas merdeka mengalami perubahan pesat dari segi
- A aliran
 - B jumlah pelajar dan guru
 - C bahasa pengantar
 - D fizikal dan kandungannya

Jawapan : D

2. Sistem pendidikan mempunyai sifat vektor, bermaksud
- A bersifat sejagat
 - B bersifat dinamik
 - C mempunyai visi dan misi
 - D mempunyai halangan dan cabaran

Jawapan : C

3. Perubahan dalam sistem pendidikan negara adalah disebabkan oleh faktor-faktor berikut
- I perkembangan ilmu yang pesat
 - II Perkembangan sains teknologi
 - III Pembinaan sekolah
 - IV Permintaan masyarakat
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

Jawapan : B

SAMPLE QUESTIONS

Read the passage below carefully. Then, answer the questions that follow.

Malay food derives its flavor from the use of spices and ingredients such as lemon grass, shallots, ginger, coriander, tamarind and many others. Another ingredient commonly found in Malay cooking is santan (coconut milk). The milk is squeezed from the flesh of grated coconut.

The staple food of Malays is rice, boiled to a white fluffy texture and usually served with dishes of meat (chicken or beef), fish and vegetables. Meat and fish are usually fried or prepared as a sambal (chilly paste) or curry dish. As far as Muslims are concerned, the meat used in their cooking must be 'halal' (slaughtered according to the Islamic rites).

Malay food is prepared and enjoyed by all races. A staple breakfast favourite is nasi lemak, a simple but satisfying meal of rice cooked in coconut milk with fragrance pandan leaves and accompanied by side dishes such as sambal ikan bilis, boiled egg, peanuts, sliced cucumber, prawns and fried fish.

The traditional Malay way of eating is by using the right hand. The use of the left hand is considered bad manners. However, those who are comfortable using the fork and spoon may do so if they want to. Using the right hand also applies to giving or receiving things.

In eating stalls or homes where the hand is used to eat, guests will be provided with a small pot of water to wash their hands before and after the meal. Remember, this water is not for drinking!

(Adapted from The Langkawi Tourism Newsletter)

1. From the passage below, we know that Malays
 - A use flavouring when they cook.
 - B use spices in their cooking.
 - C eat vegetables everyday.
 - D eat spicy food only.

Jawapan : B

2. The phrase 'staple food' (line 5) means
- A main ingredient in a dish
 - B main food that a person eats
 - C food that is eaten by everyone
 - D food that is everyone's favourite

Jawapan : B

3. The main reason people take 'nasi lemak' for breakfast is that it
- A has coconut milk in it
 - B has local ingredients
 - C is cooked with spices
 - D is simply delicious

Jawapan : A

قسم اللغة العربية

الملاحظة : اقرأ القطعة الآتية وأجب الأسئلة (26-30) التي تليها

سافر الحجاج إلى عبدالملك بن مروان، ومعه إبراهيم بن محمد بن طلحة، فلما قدم على عبدالملك سلم عليه بالخلافة، وقال: قدمت عليك يا أمير المؤمنين برجل الحجاز المعروف بالشرف والأبوة وكمال المروءة والطاعة والنصيحة مع القرابة، وهو إبراهيم بن محمد بن طلحة، فافعل به يا أمير المؤمنين ما يستحق أن يفعل بمثله في أبوته وشرفه.

فقال عبدالملك : " ائذنوا لإبراهيم "، فلما دخل إبراهيم وسلم بالخلافة، أمره بالجلوس في صدر المجلس، فقال إبراهيم : " أما الحوائج التي نبتغي بها المكانة ونرجو بها الثواب، فما كان لله خالصا ولنبيه، ولكن لك يا أمير المؤمنين عندي نصيحة، لا أجد بدا من ذكري إياها "، ثم قال له عبدالملك : " قل يا إبراهيم "، قال : " تالله يا أمير المؤمنين، إنك أصغيت إلى الحجاج في ظلمه وتعدية على الحق، وإصغائه إلى الباطل، فوليته الحرمين، وفيهما من فيهما من أصحاب رسول الله وأبناء المهاجرين والأنصار يسومهم الظلم والخسف ".

26. مع من سافر الحجاج إلى عبدالملك ؟

- A. عبدالملك بن مروان
B. مروان بن إبراهيم
C. أمير المؤمنين
D. إبراهيم بن محمد بن طلحة

PANDUAN MENJAWAB SOALAN

Nasihat-nasihat berikut diharap dapat membantu calon-calon dalam peperiksaan ini.

Soalan Objektif

(Soalan-soalan di dalam Bahagian I – Seksyen A dan B)

- a. Calon perlu peka bahawa kesemua calon yang menduduki peperiksaan ini adalah dari pelbagai bidang akademik. Soalan-soalan yang dikemukakan juga meliputi kesemua bidang akademik. Oleh yang demikian, terdapat beberapa soalan yang berkemungkinan sukar untuk individu tertentu menjawab kerana berada di luar bidang pengkhususan. Oleh itu, jika terdapat soalan yang tidak boleh dijawab, calon dinasihatkan agar tidak membuang masa dan terus menjawab soalan-soalan berikutnya. Apabila masa mengizinkan, kembali kepada soalan tersebut.
- b. Soalan objektif adalah soalan aneka pilihan di mana empat (4) opsyen jawapan dikemukakan dan calon perlu memilih satu (1). Jawapan yang dikehendaki bukan sahaja yang betul tetapi yang paling tepat. Apabila membaca dan mengkaji kesemua opsyen yang dikemukakan kerana yang diperlukan adalah jawapan yang paling tepat. Dengan meninggalkan jawapan-jawapan yang difikirkan salah, opsyen jawapan akan berkurangan dan ini dapat membantu dalam proses pemilihan jawapan yang tepat.
- c. Bagi merekod jawapan, calon dibekalkan borang khas yang akan diproses menggunakan komputer. Ditegaskan agar calon menggunakan pensil 2B sahaja. Jika alat tulis lain digunakan, jawapan calon tidak diambilkira kerana komputer tidak dapat memprosesnya. Jika calon perlu membuat perkiraan, jawapan contoh dan sebagainya, gunakan kertas lain atau buku soalan. Borang yang dibekalkan adalah khusus untuk merekod jawapan.

PENUTUP

Calon sekali lagi dinasihatkan supaya cuba mendapatkan markah yang terbaik. Jika lulus, calon mungkin berpeluang untuk dipanggil temuduga. Hal ini bermakna peluang untuk dipertimbangkan ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41 adalah lebih baik.

‘Selamat Maju Jaya’

Bahagian Peperiksaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia